

RM1 bilion bangun prasarana sempadan Malaysia Indonesia

Oleh COWEN LINCH
utusannews@mediamulia.com.my

KUCHING: Kerajaan meluluskan peruntukan RM1 bilion bagi membangunkan infrastruktur asas di sempadan Sarawak-Kalimantan susulan pembangunan ibu kota negara (IKN) Nusantara, Indonesia.

Perkara itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, di sini semalam.

Menurut beliau, peruntukan itu bagi membina Kompleks Imigresen Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) serta jalan raya di kawasan berhampiran sempadan terbabit.

Malah katanya, pembangunan melibatkan kawasan sempadan Sarawak yang berdekatan dengan Nusantara telah dibincangkannya dalam pertemuan bersama Presiden Indonesia, Joko Widodo (Jokowi) di Istana Bogor, Jawa Barat, baru-baru ini.

“Dalam pertemuan itu kita



ANWAR Ibrahim bercakap dalam sidang akhbar selepas menghadiri Mesyuarat Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 di Kuching. Sarawak semalam.

membincangkan mengenai pembangunan IKN Nusantara yang berdekatan dengan sempadan Sarawak dan sebahagiannya di Sabah.

“Justeru kita memutuskan untuk memberi peruntukan tambahan bagi penyediaan ICQS dan keselamatan seperti polis dan

tentera serta menyediakan kemudahan asas seperti jalan raya kerana kita tidak mahu dilihat terlalu daif,” katanya.

Turut hadir dalam mesyuarat itu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof; Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg dan Ketua Menteri

Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor.

Anwar memberitahu, Kementerian Kewangan meluluskan peruntukan awal RMI bilion bagi memulakan kerja pembangunan pos kawalan sempadan itu dalam tempoh segera yang dirancang di Tapak Megah di pedalaman Baleh dalam Bahagian Kapit.